

Headline	Ismee enggan ulas isu letak jawatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	FADZIL ZAINOL	AdValue	RM 4,288
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,864



Ismee enggan ulas isu letak jawatan

Oleh **FADZIL ZAINOL**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 APRIL

PENGARAH Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail enggan mengulas berhubung khabar angin bahawa beliau melepaskan jawatan di dalam Tabung Haji dan menyertai syarikat milik kerajaan, Sime Darby Bhd. (Sime Darby).

Cubaan Utusan Malaysia menghubungi dan menghantar mesej melalui aplikasi WhatsApp kepada beliau juga tidak dijawab. Malah, Tabung Haji sendiri sehingga kini tidak mengeluarkan sebarang kenyataan bagi mengesahkan atau menafikan khabar angin tersebut.

Bagaimanapun difahamkan, Lemba bag Pengarah Tabung Haji akan mengadakan mesyuarat pada malam ini yang antara lain akan membincangkan perkara tersebut dan mengeluarkan kenyataan mengenainya esok.

Semalam, akhbar perniagaan berbahasa Inggeris *The Edge* me-



ISMEE ISMAIL

laporkan Ismee akan meninggalkan Tabung Haji dengan memetik maklumat daripada sumber yang tidak didekahkan. Beliau dikatakan akan menyertai Sime Darby sebagai orang nombor dua, tetapi tidak menyatakan jawatannya secara terperinci.

Sime Darby ketika dihubungi juga tidak mahu mengulas berhubung laporan tersebut kerana ia berbentuk spekulasi. Malah menurut syarikat itu lagi, kontrak perkhidmatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Tan Sri Mohd. Bakke Salleh masih lagi berbaki kira-kira dua tahun.

Berita angin mengenai Ismee akan meninggalkan dana haji juga itu telah timbul sejak tahun lalu apabila beliau dikatakan akan dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), bagi menggantikan Datuk Mohd. Emir Mavani Abdullah.

Malah ia dikuatkan lagi apabila bekas Pengarah Urusan BIMB Hol-

dings Bhd. (BHB), Datuk Johan Abdullah dilantik sebagai Tinbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tibung Haji bermula 15 Januari 2015.

Khabar angin menyatakan Johan akan mengetuai Tabung Haj, bagi menggantikan Ismee yang mengetuai dana haji itu sejak 2006.

Ismee Ismail dilahirkan di Batu Pahat, Johor dan berpengalaman luas dalam sektor swasta dengan memegang jawatan penting i berberapa organisasi antaranya: Pengurus Besar di Arab Maaysia Development Bhd dan beberapa jawatan kewangan di syarikat pengeluar minyak antarabangsa, Shell Malaysia.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. dan Pengurus Besar Kanan Kewangan di Tabung Haji bermula Disember 2001 hingga November 2003. Beliau kemudian menyandang jawatan sebagai ketua pegawai eksekutif di sebuah syarikat broker saham.

Pada 1 Januari 2006, beliau menyertai semula Tabung Haji sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serentak dengan pelantikannya sebagai Ahli Lemba bag Pengarah.